

Jenis Akhbar : *Harian Metro*

Tarikh : *26/01/2019*

Edisi / Muka Surat : *Nasional 38*

Tajuk : *ANGKASA Hanya Setuju Dengan Satu Daripada 18 Perkara*

Kuala Lumpur

ANGKASA hanya setuju dengan satu daripada 18 perkara

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) hanya bersetuju dengan satu daripada 18 perkara yang dicadangkan dalam pindaan Akta Koperasi 1993.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, ia membabitkan keanggotaan dalam penubuhan koperasi iaitu daripada 50 orang kepada 25 orang.

“Bagi perkara yang tidak dipersetujui, Angkasa sudah memberikan pandangan dan komen apabila perbincangannya dibuka semula hingga 30

Januari ini.

“Kami berharap, pindaan yang dilakukan nanti akan terus memberi manfaat demi menjaga kepentingan semua pihak yang terbabit dalam koperasi,” katanya dalam sidang media selepas majlis amanat bersama koperasi dan pelancaran portal MyAzzahra di Auditorium Angkasa Kelana Jaya, semalam.

Majlis disempurnakan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, koperasi akan terus meningkatkan nilai perolehan daripada

aktiviti tradisional kepada digital seperti pengenalan sistem MyAzzahra.

“MyAzzahra adalah sistem permohonan pinjaman secara dalam talian yang dibangunkan untuk koperasi dan ahli Angkasa.

“Proses permohonan dan kelulusan pinjaman akan dilakukan secara cepat, efisien, telus dan berintegriti menerusi sistem ini yang turut menawarkan perkhidmatan mencari, membanding serta memohon produk pembiayaan koperasi,” katanya.

*Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA*